



## UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka.

Tel : 06 – 331 6822

Faks : 06 – 331 6811

Email : [library@utem.edu.my](mailto:library@utem.edu.my)

### PEJABAT PERPUSTAKAAN



Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.04.01/500-19/5 ( 14 )  
Ruj. Tuan (Your Ref) :

10 November 2011

Puan Mez Zelina binti Yusof ( 02129 )

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Puan,

#### ARAHAN PENEMPATAN UNIT DI PERPUSTAKAAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita diucapkan tahniah kerana telah menjalani latihan dalaman selama kira-kira 1 bulan di unit-unit di Perpustakaan bermula tarikh lapor diri puan. Adalah diharapkan latihan berkenaan telah memberikan pendedahan mengenai keperpustakaan dan bidang tugas serta tanggungjawab sebagai seorang Pustakawan.

3. Pihak pengurusan Perpustakaan telah bersetuju agar puan dipinjamkan ke **Bahagian Pengindeksan, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Sumber Ilmu berkuatkuasa hari Isnin, 7 November 2011**, bagi mengisi ketiadaan dua Pustakawan yang sedang cuti bersalin, sehingga arahan terbaharu yang akan dikeluarkan pada akhir Februari 2012. Semoga puan dapat meneruskan kecemerlangan yang ditunjukkan semasa latihan dan membantu Bahagian Pengindeksan dalam memantapkan lagi kredibiliti pengurusan serta menyumbang idea dan tenaga dalam kemajuan Perpustakaan.

4. Sehubungan dengan itu juga, puan diminta melapor diri kepada Pustakawan Kanan, Encik Azman bin Ayup, selaku Ketua Bahagian Pengindeksan. Puan juga perlu mengadakan Fail Meja (FM) berdasarkan tugas dan tanggungjawab di Bahagian Pengindeksan dengan mengadakan perbincangan bersama-sama Ketua Bahagian.

Semoga puan dapat mengekalkan komitmen dan sentiasa meningkatkan kompetensi bagi kemajuan dan pembangunan UTeM amnya dan Perpustakaan khususnya.

Sekian, terima kasih dan *Wassalam*.

#### 'KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN'

Saya yang menurut perintah,

**MOHD SHAHAR BIN AKASHAH**

Penolong Pendaftar

Pejabat Perpustakaan

s.k. Ketua Pustakawan



En. Azman Ayup, Pustakawan Kanan, Selaku Ketua Bahagian Pengindeksan

Fail Peribadi ( 02129 )

tarikh: 9/12/2011

KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN

<http://www.utem.edu.my>